

Tekanan Dalam Kalangan Peserta Program Khas Pensiswazahan Guru Besar Di Universiti Teknologi Malaysia Dan Impaknya Terhadap Prestasi Mengurus Sekolah Dan Tahap Kesihatan

Lokman Mohd Tahir & Kadam Bin Sukor
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap tekanan dalam kalangan peserta Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Di samping itu, kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti punca-punca tekanan yang mereka hadapi dan impaknya terhadap prestasi mengurus sekolah dan tahap kesihatan. Data bagi kajian ini diperolehi melalui instrumen soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan 5 skala lima mata Likert. Seramai 55 orang peserta Program Khas Pensiswazahan Guru Besar Kohort 1/2006 di Universiti Teknologi Malaysia terlibat menjadi responden. Dalam kajian ini, data dianalisis dengan statistik diskriptif dan inferensi. Bagi menguji hipotesis kajian, korelasi Pearson (r) digunakan untuk menentukan tahap hubungan antara punca-punca tekanan yang dikaji dengan impaknya terhadap prestasi mengurus sekolah dan tahap kesihatan guru besar-guru besar tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tekanan yang dialami oleh kalangan peserta adalah pada tahap yang sederhana. Di samping itu, kesemua empat punca tekanan yang dikaji tidak memberi kesan yang besar kepada tahap tekanan dalam kalangan peserta program tersebut. Faktor utama yang menyumbang kepada tekanan tersebut adalah masalah dalam mengurus sekolah. Dapatan dari pengujian hipotesis turut menunjukkan bahawa kesemua empat punca tekanan dalam kalangan peserta PKPGB mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi mereka mengurus sekolah dan tahap kesihatan. Beberapa cadangan hasil dari kajian ini juga diutarakan untuk mengimbangi tekanan yang di alami peserta PKPGB.

Abstract : This study was carried out to determine the level of stress among the participants of Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) in Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. The study also identifies possible causes of the stress and its effects on efficiency in managing their school and their health. Data were gathered through 5 Likert scales questionnaires to a sample of 55 Head Masters who are currently involved in Program Khas Pensiswazahan Guru Besar Kohort 1/2006 in Universiti Teknologi Malaysia. Descriptive statistics such as frequencies, percentages and mean scores are widely used in this study. To prove the hypothesis, Pearson correlation (r) is used to determine the correlation level between the four causes of stress being studied and its effects on their health and efficiency in managing their school. Research findings show that the level of stress among the respondents is moderate while all four causes of management stress being studied do not seem to give great impact on their level of stress. It is found that problems faced by the Head Masters in managing their schools seem to be the prime factor that contributes to the existing level of the stress. The results from the hypothesis testing proved that all four causes of stress indicate high correlation with the health and efficiency in managing school. Based on the above research findings, a number of suggestions are forwarded to balance the stress level of the PKPGB students.

Katakunci : tekanan, peserta program khas pensiswazahan guru besar, impak prestasi mengurus sekolah, tahap kesihatan

Pengenalan

Pendidikan merupakan agen utama bagi membangunkan "modal insan berminda kelas pertama" dalam usaha untuk mencapai Wawasan 2020. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika selain daripada melahirkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Selari dengan hasrat murni ini, salah satu agenda penting kerajaan dalam Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9) adalah untuk membangunkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia. Bagi merealisasikan hasrat dan cita-cita tersebut Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bagi RMK-9 untuk tempoh lima tahun (2006-2010) pada 16 Januari 2007 yang bermatlamat untuk menghasilkan pendidikan berkualiti bagi semua melalui dua pendekatan utama seperti berikut:

Pendekatan Pertama : Menyelesaikan Tugas Yang Masih Belum Selesai dan Melaksanakan Kesamarataan Peluang Pendidikan.

Pendekatan Kedua : Membangunkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan.

Secara dasarnya, PIPP merupakan satu dokumen perancangan pembangunan untuk menghasilkan pendidikan berkualiti untuk semua. PIPP dirangka untuk memenuhi matlamat pendidikan dan negara ke arah melahirkan Bangsa Malaysia yang maju mengikut acuan sendiri. Secara teori, pelan induk ini sangat penting kerana ia akan menyediakan asas yang kukuh untuk melonjakkan sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi dan menjadikannya bertaraf dunia. Melalui dokumen tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia telah merancang untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan pendidikan berdasarkan enam Teras Strategik PIPP iaitu:

Teras 1 : Membina Negara Bangsa

Teras 2 : Membangunkan Modal Insan

Teras 3 : Memperkasakan Sekolah Kebangsaan

Teras 4 : Merapatkan Jurang Pendidikan

Teras 5 : Memartabatkan Profesion Keguruan

Teras 6 : Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan

Salah satu langkah utama Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memartabatkan profesion keguruan adalah dengan mewujudkan dasar yang lebih jelas bagi program pensiswazahan guru. Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia (KKGLMSM), Awang Mohamad, berkata pelaksanaan dasar baru yang dipersetujui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) itu akan menggalakkan lebih ramai lagi guru dan guru besar mempertingkatkan taraf akademik mereka sekaligus mencapai kedudukan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (Syuhada, 2006).

Pernyataan Masalah

Tekanan atau stres merupakan satu pengalaman yang lumrah dalam kehidupan manusia. Setiap manusia tidak dapat lari daripada tekanan dalam bentuk fizikal, sosial dan psikologikal dalam kehidupan seharian mereka. Tekanan kerja sering berlaku kepada seseorang pekerja disebabkan oleh faktor-faktor seperti persekitaran kerja yang berubah, beban kerja yang bertambah, perubahan bidang tugas yang ketara, kekangan masa untuk menyelesaikan tugas, permintaan pelanggan yang berbagai, kesihatan yang tidak mengizinkan dan pelbagai faktor individu yang lain. Impak tekanan ke atas seseorang individu pula banyak bergantung kepada ciri-ciri dan sikap individu itu untuk mengatasinya.

Perubahan yang berlaku dalam kehidupan bekerja dan belajar guru besar yang menjadi peserta Program Khas Pensiswazahan Guru Besar menuntut kepada perubahan pandangan mereka terhadap persekitaran mereka. Perubahan ini pasti menyebabkan tekanan ke atas mereka sekiranya mereka tidak bertindak segera dengan berkesan untuk membuat beberapa penyesuaian. Tahap tekanan yang mereka hadapi bergantung sepenuhnya kepada sikap, tanggapan dan tindakan mereka terhadap perubahan yang mereka hadapi. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap tekanan dalam kalangan peserta Program Khas Pensiswazahan Guru Besar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Di samping itu, kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti punca-punca tekanan yang mereka hadapi dan impaknya terhadap prestasi mengurus sekolah dan tahap kesihatan mereka.

Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

1. Menenal pasti tahap tekanan dalam kalangan guru besar yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar.
2. Menenal pasti punca-punca tekanan dalam kalangan guru besar yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar.
3. Menenal pasti impak tekanan kerana mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar terhadap prestasi pengurusan sekolah.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk:

1. Panduan oleh guru besar yang bakal mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar untuk membuat persediaan dan persiapan sebelum mengikuti program ini.
2. Panduan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memantapkan lagi perancangan dan pelaksanaan program ini pada masa akan datang di samping merangka langkah-langkah penambahbaikan bagi pelaksanaan program yang lebih berkesan pada masa akan datang.
3. Panduan oleh pihak Universiti Teknologi Malaysia untuk mengatasi pelbagai masalah yang melibatkan pengajian guru besar dalam Program Khas Pensiswazahan pada masa akan datang di samping merangka langkah-langkah penambahbaikan ke atas program tersebut.

Konsep Tekanan

Setiap manusia tidak dapat lari daripada terdedah dengan pelbagai bentuk masalah dan stres dalam kehidupan seharian. Dalam era globalisasi kini, persekitaran yang tidak menentu dan perubahan drastik yang berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan manusia sama ada dalam bentuk fizikal, sosial maupun psikologikal mendorong manusia membuat penyesuaian terhadap diri dan kehidupan mereka sehingga menyebabkan berlakunya pelbagai masalah dan gejala tekanan.

Impak tekanan ke atas seseorang individu pula banyak bergantung kepada ciri-ciri dan sikap individu itu mengatasinya. Sesuatu tekanan itu sekiranya dianggap positif maka ia akan menjadi positif kerana tekanan adalah sesuatu perkara yang tidak boleh dihalang atau dielakkan dan hanya kematian sahaja membolehkan seseorang bebas daripada menghadapi tekanan (Sayle, 1974). Walau bagaimanapun, tahap tekanan boleh dikawal melalui penggunaan strategi gaya tindakbalas yang sesuai (Kamal, 1996). Justeru, setiap orang harus menghadapi tekanan

disebabkan perubahan yang berlaku dengan berlapang dada. Ia perlu dihadapi secara bijak bagi mengurangkan kesan negatif dari gejala tekanan yang berlaku.

Jenis-jenis Tekanan

Gejala tekanan boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu: (a) bersifat fizikal atau 'luaran' dan (b) bersifat psikologikal atau 'dalaman'. Menurut Hatta *et. al.* (2003), tekanan berbentuk fizikal mudah dikenal pasti kerana ia berpunca dari keadaan fizikal yang boleh dilihat seperti kesakitan, kesesakkan, cuaca yang terlampau, situasi kerja yang teruk, terlibat dengan peperangan atau keganasan dan berlakunya kemalangan atau malapetaka seperti gempa bumi, banjir atau sebagainya.

Tahap tekanan yang dialami oleh seseorang pula dikategorikan berdasarkan kekuatan pengaruh atau kesannya kepada individu tersebut. Lazimnya, tahap tekanan ini bergantung kepada persepsi seseorang ke atas ketidakupayaan mereka untuk memenuhi sesuatu keperluan. Bagi Md Yusof (2003), lebih tinggi perhatian seseorang itu terhadap usaha untuk memenuhi sesuatu keperluan, maka lebih tinggi tahap tekanan yang dialami. Ini bermakna apabila tiada keseimbangan di antara permintaan untuk memenuhi sesuatu keperluan dengan keupayaan seseorang untuk memenuhi keperluan tersebut, maka kesan negatif dalam bentuk tekanan akan terhasil. Seyle (1974) pula menyatakan bahawa tekanan boleh memberi kesan positif dan negatif kepada manusia. Beliau menambah bahawa manusia yang mengalami tekanan pada tahap sederhana akan berasa gembira dan terangsang manakala mereka yang mengalami terlalu banyak atau kurang stres akan berasa tertekan dan lesu.

Punca-Punca Tekanan

Berdasarkan perbincangan di atas tentang jenis-jenis stres, adalah lebih mudah untuk memahami punca-punca tekanan berdasarkan perspektif tersebut. Menurut Kamal (1996), faktor-faktor yang mendorong kepada berlakunya stres berkisar dalam aspek fizikal melibatkan persekitaran dan situasi serta aspek psikologikal melibatkan sikap ketika menangani peristiwa dalam hidup, sehingga terkadang stres ini menjadi penyebab kekecewaan, kelesuan atau keadaan tidak bermaya. Ringkasnya tekanan berbentuk fizikal berpunca dari faktor fizikal dan keadaan persekitaran sementara tekanan psikologikal pula berpunca dari faktor dalaman melibatkan rasa tertekan, kecewa, risau dan berfikiran celaru kerana wujudnya konflik.

Tekanan ini bukan sahaja berpunca dari persekitaran kerja dan tugas pentadbiran tetapi juga bergantung kepada persepsi pengurus atau pentadbir menanggapi sesuatu situasi atau tanggungjawab yang diamanahkan di samping keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut dengan jayanya (Md Yusof, 2003). Ringkasnya, tahap tekanan ini bergantung kepada persepsi seseorang pentadbir di samping keupayaannya untuk mengurus persekitaran kerja yang berubah, beban kerja yang bertambah, perubahan bidang tugas yang ketara, kekangan masa untuk menyelesaikan tugas, permintaan pelanggan yang berbagai, tahap kesihatan dan pelbagai faktor individu yang mengekang keupayaannya untuk mengurus dengan baik.

Impak Tekanan Terhadap Prestasi Kerja

Tekanan kerja bukan sahaja memberi impak terhadap tahap kesihatan pekerja, malah tekanan di tempat kerja juga memberi kesan terhadap prestasi kerja seseorang pekerja. Menurut *International Labour Organization* (1993), fenomena tekanan telah menjadi satu isu kesihatan yang paling serius dalam abad yang ke-20 yang penuh dengan pelbagai cabaran dan perubahan dalam struktur ekonomi dan pembangunan. Pekerja-pekerja mungkin akan menyalurkan masalah

peribadi dan keluarga ke atas pekerjaan mereka, begitu juga masalah kerja mungkin dibawa balik ke rumah. Akibat daripada itu, pelbagai masalah sampingan telah timbul, misalnya peningkatan dalam kes penderaan kanak-kanak dan isteri, remaja lari dari rumah, remaja terlibat dengan penagihan dadah dan sebagainya.

Impak tekanan ke atas majikan, organisasi atau kerajaan pula, jelas dengan kos stres yang ditanggung oleh mereka. Matteson dan Ivancevich (1987), menjangkakan fenomena stres menyebabkan separuh daripada masalah ponteng kerja pekerja, 40 peratus daripada *turnover* dan 5 peratus daripada penurunan produktiviti secara keseluruhannya (\$300 billion setiap tahun dalam ekonomi Amerika Syarikat). Menurut Cooper dan Cartwright (1994) pula, industri-industri di Amerika hilang 550 juta hari kerja setiap tahun akibat daripada ponteng kerja. Elkin dan Rosch (1990) pula menjangkakan bahawa 54 peratus daripada ponteng kerja ini adalah berkaitan dengan tekanan. *Confederation of British Industry*, pada tahun 1992 telah membuat tinjauan dan melaporkan 360 juta hari kerja di United Kindom hilang akibat daripada sakit dan mereka telah membelanjakan lapan ribu juta pound wang organisasi terlibat. *United Kingdom Health and Safety Executive* menjangkakan sekurang-kurangnya separuh daripada ponteng kerja itu adalah akibat sakit yang berkaitan dengan stres.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif dengan tinjauan digunakan sebagai rekabentuk keratan rentas untuk mengambil data dalam satu masa tertentu hasil daripada maklum balas sampel kajian melibatkan guru besar yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar Kohort 1/2006 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Oleh kerana kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan, maka instrumen soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data daripada responden. Soalan soal selidik yang digunakan adalah seperti yang dicadangkan oleh Mohd. Najib (1999) iaitu responden dikehendaki memilih respon berdasarkan skala Likert yang telah ditetapkan.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi Kajian adalah guru besar - guru besar yang menyertai Program Khas Pensiswazahan Guru Besar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor iaitu 56 orang daripada Kohort 1/ 2006 dan 28 orang daripada Kohort 2/2007. Oleh kerana jumlah populasi untuk kajian ini kurang daripada 100 orang, maka keseluruhan populasi perlu dijadikan responden kajian (Mohd Majid, 1998). Walau bagaimanapun, untuk tujuan kajian ini, hanya 55 orang guru besar (tidak termasuk penulis) yang sedang menyertai Program Khas Pensiswazahan Guru Besar Kohort 1/2006 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor telah dipilih menjadi responden kerana mereka telah melalui pelbagai pengalaman dalam menyesuaikan diri sebagai pelajar universiti dan dalam masa yang sama bertanggungjawab menguruskan hal-hal pentadbiran sekolah (Rohana, 2006). Pemilihan sampel kajian ini menepati kriteria sampel yang ideal seperti dicadangkan oleh Best dan Khan (1989) iaitu sampel yang dapat memberi maklum balas seperti yang dikehendaki dan dapat mewakili keseluruhan populasi.

Instrumen Kajian

Kajian ini telah menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data daripada responden. Set soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan 5 skala keamatan Likert melibatkan pernyataan sangat setuju pada skala 5, setuju

pada skala 4, kurang setuju pada skala 3, tidak setuju pada skala 2 dan sangat tidak setuju pada skala 1.

Set soal selidik yang diedarkan kepada responden adalah jenis tertutup dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Soalan-soalan di bahagian A lebih menjurus kepada aspek demografi responden melibatkan jantina, etnik, umur dan pengalaman pentadbiran. Sementara soalan bahagian B pula dibahagikan kepada tiga konstruk bagi memenuhi objektif kajian. Konstruk kajian telah dibina berdasarkan domain simptom tekanan, punca-punca tekanan dan impak tekanan kerja. Setiap konstruk pula terbahagi kepada beberapa elemen yang mengandungi beberapa item soalan. Ceraian item soalan soal selidik berdasarkan konstruk/ dimensi dan elemen kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Item Soal Selidik Kajian Berdasarkan Konstruk, Dimensi dan Elemen.

Bahagian	Konstruk	Elemen	Item	Jumlah Item	
A	Demografi	Jantina, Ras, Umur & Menjadi Pentadbir	1-4	4	
B	Simptom Tekanan	Fisiologikal & Psikologikal	1-10	10	
		Punca-punca Tekanan	Faktor Peribadi	11-15	5
			Masalah Pembelajaran & Tugas	16-20	5
			Pengurusan Sekolah	21-25	5
	Impak Tekanan	Kerjasama Guru	26-30	5	
		Prestasi Mengurus Sekolah	31-35	5	
		Tahap Kesihatan	36-40	5	
JUMLAH				44	

Kajian Rintis

Untuk tujuan kesahan kandungan, dua orang pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang pengurusan pentadbiran iaitu Dr Mohd. Anuar Abdul Rahman dan Dr Yusof Boon telah membaca dan memeriksa instrumen soal selidik yang disediakan. Mereka telah mengesahkan bahawa kandungan instrument soal selidik yang disediakan adalah sesuai untuk digunakan bagi tujuan kajian ini. Kajian rintis pula telah dijalankan bagi memastikan soal selidik yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan dalaman yang tinggi. Untuk tujuan kajian rintis, seramai 28 orang guru besar yang menyertai Program Khas Pensiswazahan Guru Besar Kohort 2/2007 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor telah dipilih secara rawak untuk menjadi responden bagi tujuan ini. Jadual 2 yang berikut adalah keputusan nilai kepercayaan instrumen soal selidik berdasarkan analisis data kajian rintis yang dijalankan:

Jadual 2: Nilai Alfa Kebolehpercayaan Dalaman Instrumen Soal Selidik Kajian Berdasarkan Kajian Rintis

Bil	Konstruk/Domain	Nilai Alpha
1	Simptom Tekanan	0.9393
2	Punca-punca Tekanan	0.9449
3	Impak Tekanan	0.9465
Keseluruhan		0.9758

Taburan Responden Mengikut Umur, Bangsa dan Jantina

Jadual 3 menunjukkan taburan frekuensi responden mengikut umur, bangsa dan jantina.

Jadual 3 : Taburan Responden Mengikut Umur, Bangsa dan Jantina

Umur (Tahun)	Bangsa						Jumlah
	Melayu		Cina		India		
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	
35-39	1	-	-	-	-	-	1
40-45	2	3	-	-	-	-	5
46-50	22	13	2	5	4	2	48
Lebih 50	1	-	-	-	-	-	1
Jumlah	26	16	2	5	4	2	55

Berdasarkan jadual tersebut, kebanyakan responden (48 orang) berumur di antara 46 tahun hingga 50 tahun dengan guru besar lelaki berbangsa Melayu mencatatkan bilangan yang terbesar (22 orang), diikuti oleh guru besar perempuan berbangsa Melayu (13 orang), guru besar perempuan berbangsa Cina (5 orang) dan guru besar lelaki berbangsa India (4 orang) dan guru besar lelaki berbangsa Cina dan guru besar perempuan berbangsa India (2 orang setiap satu). Kumpulan responden berumur di antara 40 hingga 45 tahun merupakan golongan kedua terbesar melibatkan 3 orang guru besar perempuan dan 2 orang lelaki berbangsa Melayu. Sementara itu, terdapat seorang responden dari golongan umur antara 35-39 tahun dan seorang lagi dari golongan umur melebihi 50 tahun melibatkan guru besar lelaki berbangsa Melayu dalam kajian ini.

Analisis Tahap Tekanan Mengikut Demografi Responden

Rumusan dapatan daripada analisis data tentang tahap tekanan dalam kalangan responden yang menjadi peserta Program Khas Pensiswazahan Guru Besar mengikut demografi pula ditunjukkan oleh Jadual 4 yang berikut:

Jadual 4 : Skor Min dan Tahap Tekanan Mengikut Demografi Responden

Demografi Responden		Skor Min	Tahap Tekanan	Keseluruhan Skor Min
Jantina	Lelaki	2.48	Sederhana	2.48
	Perempuan	2.49	Sederhana	Sederhana
Bangsa	Melayu	2.46	Sederhana	2.48
	Cina	2.40	Sederhana	Sederhana
	India	2.75	Sederhana	
Umur	35-39 tahun	2.20	Rendah	2.48
	40-45 tahun	2.54	Sederhana	Sederhana
	46-50 tahun	2.48	Sederhana	
	Lebih 50 tahun	2.90	Sederhana	
Pengalaman sebagai guru besar	Kurang 3 tahun	2.20	Rendah	2.48
	3-5 tahun	2.47	Sederhana	Sederhana
	6-10 tahun	2.60	Sederhana	
	Lebih 10 tahun	2.39	Sederhana	

Data kajian tentang tahap tekanan telah dianalisis mengikut jantina, bangsa, umur, pengalaman sebagai guru besar. Analisis data mengikut jantina menunjukkan bahawa tahap tekanan adalah hampir sama dalam kalangan guru besar lelaki (skor min 2.48) dan guru besar Perempuan (skor min 2.49). Berdasarkan bangsa pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa kalangan guru besar berbangsa India mengalami tekanan yang lebih tinggi dengan skor min 2.75 berbanding rakan mereka yang berbangsa Melayu (skor min 2.46) dan berbangsa Cina (skor min 2.40). Perbandingan tentang dapatan analisis mengikut umur pula menunjukkan bahawa guru besar yang berumur melebihi 50 tahun mengalami tahap tekanan yang lebih tinggi dengan skor min 2.90 (tahap tekanan kategori sederhana), diikuti oleh golongan responden yang berumur di antara 40 hingga 45 tahun dengan skor min 2.54 (tahap tekanan kategori sederhana), golongan responden yang berumur di antara 46 hingga 50 tahun dengan skor min 2.48 (tahap tekanan kategori sederhana) dan akhirnya golongan responden yang lebih muda iaitu berumur di antara 35 hingga 39 tahun dengan skor min 2.20 (tahap tekanan kategori rendah).

Dapatan analisis secara perbandingan mengikut pengalaman sebagai guru besar pula menunjukkan bahawa umumnya responden yang lebih berpengalaman menjadi guru besar mengalami tekanan yang lebih tinggi berbanding rakan mereka yang lebih junior kecuali bagi kategori responden dengan pengalaman melebihi 10 tahun sebagai guru besar. Golongan responden dengan pengalaman antara 6 hingga 10 tahun sebagai guru besar mencatatkan skor min tertinggi dengan 2.60, diikuti oleh golongan dengan pengalaman antara 3 hingga 5 tahun (Skor min 2.47) dan golongan dengan pengalaman kurang daripada 3 tahun (Skor min 2.20). Responden dengan pengalaman menjadi guru besar melebihi 10 tahun pula mencatatkan skor min pada tahap sederhana dengan nilai 2.39. Ringkasnya, semua responden mengalami tekanan pada tahap sederhana kecuali mereka yang paling junior dengan pengalaman sebagai guru besar kurang dari 3 tahun.

Analisis Tahap Kekuatan Punca-Punca Tekanan Mengikut Demografi

Jadual 5 di bawah ini pula menunjukkan skor min bagi punca-punca tekanan untuk setiap item dalam domain punca-punca tekanan mengikut demografi:

Jadual 5: Skor Min Punca-Punca Tekanan Mengikut Demografi Responden

Demografi Responden		Skor Min Punca-Punca Tekanan				Jumlah
		Faktor Peribadi	Faktor Belajar	Faktor Mengurus	Faktor Kerjasama	
Jantina	Lelaki	3.22	3.14	3.17	2.69	3.05
	Perempuan	3.10	3.37	3.47	3.03	3.25
Bangsa	Melayu	3.15	3.19	3.27	2.80	3.10
	Cina	3.06	3.54	3.49	2.66	3.19
	India	3.43	3.23	3.30	3.27	3.31
Umur	35-59	2.2	3.00	3.40	3.60	3.05
	40-45	3.36	3.48	3.56	3.08	3.37
	46-50	3.16	3.21	3.26	2.78	3.10
	Lebih 50	3.80	3.6	3.60	3.20	3.55
Pengalaman sebagai guru besar	Kurang 3	2.33	2.67	3.07	3.33	2.85
	3-5	3.24	3.36	3.53	2.89	3.26
	6-10	3.25	3.40	3.44	3.02	3.27
	Lebih 10	3.17	3.07	3.06	2.49	2.95

Keseluruhan domain punca-punca tekanan	3.17	3.24	3.30	2.83	3.14
---	-------------	-------------	-------------	-------------	-------------

Analisis data bagi punca-punca tekanan mengikut jantina responden menunjukkan bahawa punca-punca yang dikaji memberi sumbangan yang lebih besar terhadap tahap tekanan dalam kalangan guru besar perempuan (skor min 3.25) berbanding rakan mereka dalam kalangan lelaki (skor min 3.05). Bagi golongan guru besar lelaki, masalah peribadi (skor min 3.22) merupakan punca tekanan yang dominan, diikuti oleh masalah mengurus sekolah (skor min 3.17), masalah pembelajaran dan menyiapkan tugas di universiti (skor min 3.14) dan masalah kerjasama dalam kalangan guru-guru di sekolah (skor min 2.69). Sementara bagi golongan guru besar perempuan pula, masalah pengurusan merupakan punca utama yang menyumbang kepada peningkatan tahap tekanan (skor min 3.47), diikuti oleh masalah pembelajaran dan menyiapkan tugas di universiti (skor min 3.37), masalah peribadi (skor min 3.10) dan masalah kerjasama dalam kalangan guru-guru di sekolah (skor min 3.03).

Bagi analisis data mengikut bangsa pula, punca-punca yang dikaji memberi sumbangan yang lebih besar terhadap tahap tekanan dalam kalangan guru besar berbangsa India (skor min 3.31) berbanding rakan mereka dalam kalangan Cina (skor min 3.18) dan Melayu (skor min 3.10). Masalah peribadi (skor min 3.43) merupakan punca tekanan yang dominan dalam kalangan guru besar berbangsa India, diikuti oleh masalah mengurus sekolah (skor min 3.30), masalah kerjasama dalam kalangan guru-guru di sekolah (skor min 3.27) dan masalah pembelajaran dan menyiapkan tugas di universiti (skor min 3.23). Bagi guru besar berbangsa Cina, masalah pembelajaran dan menyiapkan tugas di universiti (skor min 3.54), masalah mengurus sekolah (skor min 3.49), masalah peribadi (skor min 3.06) dan masalah kerjasama dalam kalangan guru-guru di sekolah (skor min 2.66) merupakan punca tekanan mengikut susunan kekuatannya. Bagi guru besar berbangsa Melayu pula, masalah mengurus sekolah (skor min 3.27), masalah pembelajaran dan menyiapkan tugas di universiti (skor min 3.19) masalah peribadi (skor min 3.15) dan masalah kerjasama dalam kalangan guru-guru di sekolah (skor min 2.80) merupakan punca-punca tekanan mengikut urutan kekuatan punca tekanan.

Analisis Tahap Kekuatan Impak Tekanan Mengikut Demografi

Data kajian berhubung tahap impak tekanan terhadap prestasi pengurusan dan tahap kesihatan juga telah dianalisis mengikut demografi responden. Rumusan keputusan analisis tersebut ditunjukkan oleh Jadual 6. Jadual tersebut menunjukkan skor min dan tahap kekuatan bagi impak tekanan terhadap prestasi mengurus dan tahap kesihatan responden. Secara keseluruhannya, tekanan yang dikaji memberi impak pada tahap sederhana kepada responden dengan min keseluruhan mencatat nilai skor min 3.02 (tahap sederhana). Secara perbandingan pula, tekanan memberi impak yang lebih besar terhadap tahap kesihatan (skor min 3.15) berbanding impaknya terhadap prestasi mengurus sekolah (skor min 2.90) dalam kalangan responden.

Bagi analisis berdasarkan jantina, tekanan memberi impak yang lebih besar terhadap guru besar perempuan (skor min 3.15) berbanding rakan mereka dalam kalangan guru besar lelaki (skor min 2.93). Berbanding rakan mereka dalam kalangan lelaki, tekanan juga telah memberi impak yang lebih besar terhadap responden perempuan dalam aspek kesihatan (skor min 3.25 berbanding 3.07) dan juga prestasi mengurus sekolah (skor min 3.04 berbanding hanya 2.79).

Jadual 6: Skor Min dan Tahap Impak Tekanan Mengikut Demografi

Demografi Responden		Skor Min Impak Tekanan		
		Prestasi Mengurus	Tahap Kesihatan	Impak Keseluruhan
Jantina	Lelaki	2.80 Sederhana	3.07 Sederhana	2.93 Sederhana
	Perempuan	3.04 Sederhana	3.25 Sederhana	3.15 Sederhana
Bangsa	Melayu	2.84 Sederhana	3.04 Sederhana	2.94 Sederhana
	Cina	2.83 Sederhana	3.34 Sederhana	3.09 Sederhana
	India	3.37 Sederhana	3.67 Sederhana	3.52 Sederhana
Umur	35-59	3.20 Sederhana	3.20 Sederhana	3.20 Sederhana
	40-45	3.16 Sederhana	3.36 Sederhana	3.26 Sederhana
	46-50	2.86 Sederhana	3.11 Sederhana	2.98 Sederhana
	Lebih 50	3.20 Sederhana	4.00 Sederhana	3.60 Sederhana
Pengalaman sebagai guru besar	Kurang 3	3.20 Sederhana	3.07 Sederhana	3.13 Sederhana
	3-5	2.96 Sederhana	3.07 Sederhana	3.01 Sederhana
	6-10	2.97 Sederhana	3.37 Sederhana	3.17 Sederhana
	Lebih 10	2.74 Sederhana	2.92 Sederhana	2.83 Sederhana
Impak Keseluruhan		2.90 Sederhana	3.15 Sederhana	3.02 Sederhana

Perbincangan

Seramai 55 orang guru besar yang menyertai Program Khas Pensiswazahan Guru Besar Kohort 1/ 2006 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor telah terlibat menjadi responden dalam kajian ini. Kebanyakan mereka terdiri daripada guru besar lelaki iaitu seramai 32 orang dan selebihnya iaitu seramai 23 orang adalah guru besar perempuan. Data kajian berhubung latar belakang responden berdasarkan bangsa pula menunjukkan bahawa majoriti responden adalah guru besar berbangsa Melayu iaitu seramai 42 orang, diikuti oleh guru besar berbangsa Cina iaitu seramai 7 orang dan guru besar berbangsa India seramai 6 orang.

Latar belakang responden mengikut umur pula menunjukkan bahawa kebanyakan responden iaitu seramai 48 orang berumur di antara 46 tahun hingga 50 tahun dengan guru besar lelaki berbangsa Melayu mencatatkan bilangan yang terbesar diikuti oleh guru besar perempuan berbangsa Melayu. Sementara itu, seramai 43 orang responden telah menjadi guru besar melebihi 5 tahun.

Tekanan sering dikaitkan dengan masalah stres yang dialami oleh pihak pentadbiran dalam menjalankan tugas-tugas dan menghadapi pelbagai kerengah pengurusan. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2006), tekanan berlaku apabila kalangan pentadbir atau pengurus yang menghadapi masalah kekurangan sumber dan kepakaran, tidak dapat menyelesaikan konflik dengan kakitangan, kurang mendapat kerjasama orang bawahan dan tidak dapat mengagihkan beban tugas serta menguruskan masa dengan berkesan untuk melaksanakan tugas.

Secara keseluruhannya, tekanan yang dikaji melibatkan guru besar - guru besar yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar mencatatkan tahap yang sederhana. Simptom tekanan yang paling dominan dalam kalangan mereka adalah berasa lesu setelah seharian bekerja, diikuti oleh simptom sering berasa tidak cukup masa untuk menyelesaikan pelbagai tugas yang diberikan, berasa kurang selesa melakukan kerja dalam tekanan, kalut dengan pelbagai tugas yang bertimpa-timpa dan berasa cemas dengan kehadiran pelawat daripada luar. Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian Hazalifah (2002), Azizi dan Nik Diana (2000), Mohd Razali dan Abang Mat Ali (1999), Helen et al. (2006) dan Ong (2001)

yang mendapati bahawa tekanan kerja dalam kalangan guru berada pada tahap sederhana. Sementara itu, dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Zuraidah et al. (2005) dan kajian Safinat (1998) yang mendapati bahawa tahap stress kerja dalam kalangan guru-guru adalah rendah.

Analisis data mengikut jantina pula menunjukkan bahawa tahap tekanan adalah hampir sama dalam kalangan guru besar lelaki dan guru besar perempuan. Berdasarkan bangsa pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa kalangan guru besar berbangsa India mengalami tekanan yang lebih tinggi berbanding rakan mereka yang berbangsa Melayu atau Cina. Perbandingan tentang dapatan analisis mengikut umur pula menunjukkan bahawa guru besar yang berumur melebihi 50 tahun mengalami tahap tekanan yang lebih tinggi, diikuti oleh golongan responden yang berumur di antara 40 hingga 45 tahun, golongan responden yang berumur di antara 46 hingga 50 tahun dan akhirnya golongan responden yang lebih muda iaitu berumur di antara 35 hingga 39 tahun.

Tekanan merupakan satu fenomena yang menghambat banyak organisasi pada masa ini. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tahap tekanan tersebut. Dalam bidang pengurusan pendidikan, beberapa kajian mendapati bahawa aspek tugas dalam pentadbiran, tanggungjawab mengurus, hubungan interpersonal dan konflik peranan dalam kalangan pentadbir sekolah merupakan punca utama berlakunya gejala tekanan di sekolah (Borg dan Riding, 1993). Kajian oleh Md. Yusof (2003) pula mendapati bahawa tekanan dalam kalangan pentadbir sekolah rendah adalah disebabkan oleh beban kerja yang banyak, kesukaran mengurus kemudahan dan sumber, keadaan kerja dan pengagihan tanggungjawab yang kurang memuaskan serta kurang mendapat sokongan dan kesukaran menangani konflik.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa kesemua empat punca tekanan yang dikaji telah menyumbang kepada masalah tekanan dalam kalangan guru besar yang menjadi peserta Program Khas Pensiswazahan Guru Besar di Universiti Teknologi Malaysia iaitu pada tahap sederhana. Ini menjelaskan bahawa kesemua empat punca tekanan yang dikaji tidak memberi kesan yang besar kepada tahap tekanan dalam kalangan peserta program tersebut. Faktor utama yang menyumbang kepada tekanan tersebut adalah masalah dalam mengurus sekolah, diikuti oleh masalah dalam pembelajaran dan menyiapkan tugas universiti dan masalah peribadi. Ini bermakna, tekanan yang dialami oleh guru besar adalah lebih banyak disebabkan oleh masalah mengurus sekolah. Aspek pengurusan sekolah yang menjadi punca kepada tekanan dalam kalangan responden pula melibatkan penyeliaan di sekeliling sekolah, diikuti oleh aspek menyiapkan pelbagai tugas pengurusan dalam tempoh masa yang singkat, kesibukan tugas di pejabat, pelaksanaan pelbagai program sekolah yang tertangguh dan terpaksa bertugas di luar sekolah.

Bagi punca kedua dominan iaitu masalah pembelajaran dan menyelesaikan tugas universiti, faktor yang paling kuat mempengaruhi tahap tekanan responden adalah faktor kaedah pembelajaran yang padat dan tugas yang banyak, diikuti oleh faktor menyiapkan segala tugas yang diberikan oleh pensyarah, mencari bahan-bahan bagi menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah, menyesuaikan diri dengan rutin baru untuk belajar dan pada masa yang sama menguruskan sekolah serta faktor kejutan dengan kaedah pembelajaran di universiti.

Punca masalah peribadi yang juga menyumbang kepada tekanan adalah disebabkan oleh faktor tanggungjawab terhadap keluarga, diikuti oleh faktor usia yang semakin meningkat, kekangan masa untuk belajar dan pada masa yang sama pula menguruskan sekolah, perjalanan ulang-alik dari rumah ke universiti yang memenatkan dan faktor perbelanjaan kerana berulang-alik ke universiti.

Stres berlebihan yang berlaku di tempat kerja pula boleh menyebabkan masalah kesihatan pekerja dan menjejaskan kelancaran program di bahagian sumber manusia sehingga stres dianggap sebagai penyumbang masalah kesihatan pekerjaan semenjak 20 tahun yang lalu (Zafir dan Fazilah, 2006). Tambahan pula, stres di tempat kerja bukan sahaja merupakan ancaman utama kepada kesihatan tetapi ia merupakan ancaman utama terhadap kejayaan organisasi (Smither, 1994; Zafir dan Fazilah, 2006).

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tekanan memberi impak yang lebih besar terhadap tahap kesihatan responden berbanding impaknya terhadap prestasi mereka mengurus sekolah. Tekanan memberi impak yang paling besar terhadap tahap kesihatan responden bagi aspek tumpuan terhadap penjagaan kesihatan, diikuti oleh aspek kurang bermaya apabila tiba di rumah, gangguan terhadap tahap kesihatan dan masih berasa letih walaupun baru sahaja bangun dari tidur. Ini selaras dengan pendapat Kamal (1996) yang menyatakan bahawa tekanan yang dialami oleh seseorang itu akan menyebabkan dia berasa kecewa, lesu dan tidak bermaya

Kajian juga menunjukkan bahawa tekanan memberi impak yang sederhana terhadap prestasi responden mengurus sekolah. Dapatan analisis menunjukkan bahawa tekanan telah memberi impak yang sederhana terhadap prestasi mengurus sekolah terutama bagi aspek kualiti hasil kerja, aspek tumpuan terhadap pengurusan dan pelaksanaan tugas-tugas pentadbiran. Dalam konteks ini, Cooper, Sloan dan William (1988) mengatakan bahawa antara impak tekanan kerja yang mungkin ditanggung oleh organisasi adalah kemerosotan prestasi kerja yang akan mempengaruhi prestasi dan keberkesanan tahap pengorganisasian dan lebih serius lagi ia akan menjejaskan produktiviti organisasi.

Rujukan

- Azizi Hj. Yahaya dan Nik Diana Hartika Nik Husain (2000). *Tahap Stres Dan Faktor Faktor yang Mempengaruhi Stres Di Kalangan Guru Sekolah Di Negeri Johor, Melaka, Selangor dan Negeri Sembilan*. Universiti Teknologi Malaysia:
- Best, J dan Kahn, J. (1989). *Research in Education*. 6th. edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Cooper, C., Sloan, S. dan William, S. (1988). *Occupational Stress Indicator Management Guide*. Oxford: NFER-Nelson Publishing Company Limited.
- Cooper, C. dan Cartwright, S (1994). Health Mind; Health Organization-A Proactive Approach to Occupational Stress. *Human Relation*. 47 (4). 455-471.
- Costley, D. dan Todd, R. (1983). *Human Relations in Organizations*. 2nd. Ed. St. Paul: West Publishing.
- Elkin, A. dan Rosch, P. (1990). Promoting Mental Health at the Workplace: The Preventive Side of Stress Management. *Occupation Medicine: State of the Art Review*. 5(4). 739-754.
- Fontana, D. (1989). *Managing Stress*. London: British Psychological Society & Routledge Ltd.
- Galton, L. (1983). *Coping with Executive Stress: Executive Health Examiners*. New York: McGraw Hill Book Company.
- Goldenser, M. (1984). *Longman Dictionary of Psychology and Psychiatry*. England: Pearson Education Ltd.
- Goldenson, R. (1970). *The Encyclopedia of Human Behaviour*. Vol. 2. Garden City, New York : Doubleday & Co. Inc.
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub (2002). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hatta Sidi, Ruzanna ZamZam dan Mohamed Hatta Shaharom (2003). *Menjaga Kesehatan Jiwa: Teknik Mengurus Stres*. Bentong, Pahang: PTS Publications.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2007). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Matteson, M. dan Ivancevich, J. (1987). *Controlling Work Stres*. London: Jossey-Bass.
- Md Yusof Basir (2003). *Punca Tekanan Pengurusan di Kalangan Pentadbir Sekolah di Daerah Batu Pahat*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Mohd. Majid Konting (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Razali Othman dan Abang Mat Ali Abang Masagus (1999). *Strategi Menangani Tekanan di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Zon A di Bahagian Kuching/ Samarahan, Serawak: Satu Tinjauan*. Universiti Malaysia Sabah.
- Ong Mee Nee. *Stail Kepimpinan Pengetua dan Hubungannya dengan Tekanan Kerja Guru*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia: 2001.
- Post, B. (1996). 75 Have Quit Teaching Profession Since 1993. *Borneo Post*, 9 Mei.
- Robiah K. Hamzah (2002). *Teknik dan Strategi Membimbing Remaja Menghadapi Cabaran*. Bentong, Pahang: PTS Publications.
- Syuhada Choo Abdullah (2006). Lebih Ramai Guru Besar Dijangka Miliki Ijazah. *Berita Harian*. 25 September.
- Wong, F. *Perkaitan Antara Pengurusan Masa Dengan Tekanan Pekerjaan di Kalangan Guru Besar*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia; 2000.
- Zafir M. dan Fazilah M. (2006). Stres Di Tempat Kerja Dan Kesannya Terhadap Keselamatan Dan Kesehatan Pekerja. *Malaysian Journal Of Community Health* Vol. 12. 37-46.
- Zuraidah Yaacob, Siti Rahmah Lamin dan Siti Rahmah Mohamed (2005). *Isu Tekanan dan Beban Di Kalangan Guru dan Kepuasan Bekerja*. Universiti Teknologi Malaysia.